

**PENILAIAN TANDA ARAS KUALITI KURSUS KPLI DAN KDPM :  
KEBERKESANAN KURSUS DAN KEPUASAN PELATIH KOHORT  
KELUARAN NOVEMBER 2004**

oleh

Toh Wah Seng

**ABSTRAK**

*Kajian ini menilai beberapa tanda aras kualiti yang terkandung dalam dokumen kualiti MS ISO 9001:2000 tentang keberkesanan latihan dalam program KPLI dan KDPM serta kepuasan pelanggan proses (peserta program) tentang program dan perkhidmatan sokongan yang terdapat dalam maktab. Seramai 237 peserta kajian dipilih secara rawak berstrata mengikut jenis kursus, iaitu KPLI dan KDPM. Soal Selidik Maklum Balas Pelanggan Proses digunakan untuk mengumpul data tentang persepsi peserta berkaitan dengan keberkesanan latihan dan kepuasan pelanggan proses. Penemuan menunjukkan peserta kajian berpendapat bahawa maktab telah berjaya mencapai tahap keberkesanan 80% bagi program latihan menyediakan guru dengan ciri-ciri kualiti guru permulaan. Maktab juga mencapai tahap 75% keberkesanan dalam program latihan kemahiran P&P dan juga pelaksanaan program-program maktab. Mereka juga berpuas hati dengan latihan dan kemudahan maktab. Antara aspek yang belum mencapai tahap keberkesanan atau kepuasan yang disarankan ialah aspek Gerko sukan dan Gerko unit beruniform, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, dan kemudahan asrama.*

**PENGENALAN**

Penilaian tentang keberkesanan kursus serta kepuasan pelanggan dari perspektif pelanggan proses, iaitu guru pelatih pra-perkhidmatan, adalah penting seperti dihujahkan dalam laporan penilaian keberkesanan kursus dan kepuasan pelanggan proses (Toh, 2004). Kaedah meninjau persepsi pelanggan adalah satu kaedah penilaian tanda aras yang munasabah kerana pendapat pelanggan proses (pelajar) adalah penting kepada pihak pembekal perkhidmatan (maktab). Laporan tersebut menunjukkan bahawa pelanggan proses yang telah tamat kursus di maktab pada November 2003 berpendapat bahawa Maktab Perguruan Batu Lintang telah mencapai objektif kualiti dari segi menyediakan guru pelatih dengan ciri-ciri kualiti guru permulaan. Ciri-ciri ini termasuk kebolehan, kemahiran, kemampuan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan. Maktab juga dapat mencapai objektif kualiti berkaitan dengan latihan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam

bidang pengkhususan. Tetapi peserta kursus juga berpendapat bahawa latihan aktiviti kokurikulum kurang berkesan. Kajian tersebut juga menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, kepuasan pelatih terhadap latihan dan perkhidmatan sokongan juga kurang mencapai tahap yang puas, tetapi pada tahap sederhana sahaja. Persepsi peserta juga konsisten dan tidak ada perkaitan dengan jenis kursus atau jantina mereka. Kajian terkini ini merupakan kajian terhadap kohort pelatih yang tamat kursus pada November 2004. Berdasarkan cadangan kajian lepas (Toh, 2004) dan cadangan metodologi kajian kepuasan pelanggan (Toh, 2005), beberapa perubahan telah dibuat dari segi pengumpulan dan penganalisisan data. Perkara-perkara ini dihuraikan dalam bahagian metodologi.

### **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian adalah untuk meninjau persepsi peserta kursus tentang keberkesana program KDPM dan KPLI dalam menyediakan mereka sebagai guru permulaan untuk mengajar di sekolah, serta kepuasan mereka terhadap latihan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan di Maktab Perguruan Batu Lintang. Di samping itu, penemuan daripada kajian ini dapat dibandingkan dengan penemuan kajian lepas untuk meneliti sejauh manakah persepsi peserta kohort ini berbeza dengan persepsi peserta kohort lepas. Pengukuran keberkesaan program dan kepuasan peserta tentang program adalah berpandukan pada beberapa kriteria kualiti atau tanda aras seperti terkandung dalam dokumen MS ISO 9001:2000.

Untuk menilai tanda aras yang berkaitan, beberapa hipotesis disiasat untuk mengenalpasti sejauh manakah aspek-aspek program mencapai tanda aras yang ditetapkan seperti berikut:

1. Keberkesanan latihan menyediakan mereka dengan ciri-ciri kualiti diri guru seperti kebolehan, kemahiran, kemampuan, serta sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan mencapai tahap 80%.
2. Keberkesanan latihan menyediakan mereka dalam kemahiran-kemahiran berikut adalah mencapai tahap 75%.
  - a. Kemahiran-kemahiran pengajaran dan pembelajaran
  - b. Kemahiran mengurus aktiviti kokurikulum.
3. Keberkesanan melaksanakan program-program berikut mencapai tahap 75%.
  - a. Program pengajaran dan pembelajaran matapelajaran-matapelajaran di maktab
  - b. Program Bina Insan Guru dan Program Praktikum.
4. Kepuasan peserta kursus tentang latihan, perkhidmatan dan kemudahan di maktab adalah mencapai tahap 75%.

- Persepsi peserta tiada perkaitan dengan beberapa ciri latar belakang mereka seperti jenis kursus dan jantina mereka.

## **METODOLOGI**

Seperti kajian lepas, kaedah tinjauan melalui satu soal selidik digunakan untuk mengumpul data daripada satu sampel rawak seramai 237 pelatih. Pengumpulan data dengan kaedah ini mungkin terpengaruh oleh faktor *response bias* tetapi ia adalah munasabah untuk mendapat maklum balas dari perspektif pelanggan proses. Untuk memastikan setiap pengkhususan diwakili dalam sampel, kaedah rawak berstrata digunakan, di mana 50% daripada jumlah pelatih setiap pengkhususan dipilih secara rawak. Sampel ini terdiri daripada 118 orang pelatih KPLI dan 119 orang pelatih KDPM. Dari segi jantina, 66 orang pelatih adalah lelaki dan 171 orang pelatih perempuan.

Item-item dalam SSMP (Soal Selidik Maklumbalas Pelanggan Proses) berbeza dengan item-item yang terkandung dalam soal selidik yang telah digunakan dalam kajian lepas (Toh, 2004). Item-item ini boleh dibahagikan kepada lima komponen seperti dalam Jadual 1. Item-item dalam komponen I dan II adalah item-item yang diambil daripada instrumen SSKP sedangkan item-item dalam komponen III telah ditokoh tambah supaya setiap komponen kokurikulum dikaji. Item-item dalam komponen IV dan V adalah rekaan pengkaji.

**Jadual 1. Komponen, Bilangan dan Nombor Item dalam SSMP**

Komponen	Bilangan Item	No. Item
<b>Komponen I:</b> Keberkesanan Latihan sebagai Guru Permulaan	10	1a hingga 1j
<b>Komponen II:</b> Keberkesanan Latihan Pengajaran & Pembelajaran	13	2a hingga 2m
<b>Komponen III:</b> Keberkesanan Latihan Kokurikulum:		
• Sukan & Permainan	5	3.1a hingga 3.1e
• Unit Beruniform	5	3.2a hingga 3.2e
• Kelab & Persatuan	5	3.3a hingga 3.3e
<b>Komponen IV:</b> Keberkesanan Pelaksanaan Matapelajaran/Program	11	4a hingga 4k
<b>Komponen V:</b>		

Kepuasan Pelatih tentang:		
• Pengajaran & Bimbingan	10	5.1a hingga 5.1j
• Kemudahan & Perkhidmatan	7	5.2a hingga 5.2g
Jumlah item	66	

Item-item berkenaan adalah seperti dalam jadual-jadual keputusan kajian. Setiap item diukur dengan satu skala ala Likert yang mengandungi empat mata, iaitu daripada sangat tidak berkesan / puas (1 mata), tidak berkesan / puas (2 mata), berkesan / puas (3 mata), dan sangat berkesan / puas (4 mata). Skala ini berbeza dengan skala yang digunakan dalam SSKP yang mengandungi lima mata.

Walaupun konsistensi dalaman instrumen adalah tinggi, iaitu antara pekali Cronbach Alpha 0.81 hingga 0.92 mengikut komponen-komponen tersebut, analisis faktor dengan prosedur *Principals Components* kurang menyokong penggunaan prosedur parametrik. Walaupun item-item cenderung berkelompok pada komponen-komponen seperti yang disarankan, kecenderungan ini kurang menyakinkan. Maka, methodologi menganalisis data adalah bukan parametrik dan prosedur analisis data adalah seperti yang dicadangkan oleh Toh (2005).

Mengikut prosedur tersebut, respons peserta kajian dikodkan semula supaya skor 1 (Sangat tidak berkesan/berpuas hati) dan 2 (Tidak berkesan/Berpuas hati) pada skala ala Likert dikodkan “1” (Belum cukup berkesan/ Berpuas hati) dan skor 3 (Berkesan/ Berpuas hati) **dan 4 dikodkan “2” (Berkesan/ Berpuas hati)**. Untuk menganalisis keberkesanan/kepuasan setiap komponen, skor (“1” atau “2”) dijumlahkan bagi setiap komponen dan jumlah skor ini dikodkan semula mengikut kriteria seperti dijelaskan oleh Toh (2005) dengan menggunakan rumus  $[2(Np) + N(1 - p)]$  di mana N adalah jumlah item bagi komponen berkenaan dan  $p$  adalah nisbah tahap keberkesanan atau kepuasan, upamanya  $p = 0.8$  adalah untuk tahap 80% tahap keberkesanan atau kepuasan. Rumus ini menentukan jumlah skor minima pada tahap keberkesanan/kepuasan yang disarankan bagi komponen tersebut. Jika jumlah skor komponen tersebut bersamaan atau melebihi skor minima ini, ia dikodkan “2” (mencapai tahap yang disarankan) dan jika jumlah ini kurang daripada skor minima ini, maka ia dikodkan “1” (tidak mencapai tahap yang disarankan).

Taburan respons peserta diperiksa dan dianalisis dengan statistik kekerapan dan peratusan. Ujian-z (binomial) satu sampel digunakan untuk menyiasat hipotesis-hipotesis tentang tanda aras 1 hingga 4 dan ujian “chi-square” dua sampel digunakan untuk menyiasat sama ada persepsi peserta mempunyai perkaitan dengan beberapa ciri latar belakang peserta seperti jenis kursus diikuti, jantina mereka, dan sebab memilih profesion keguruan.

## KEPUTUSAN DAN PENEMUAN

**1. Keberkesanan latihan menyediakan pelatih dengan kebolehan, kemahiran, kemampuan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan**

Ujian Binomial digunakan untuk menguji hipotesis bahawa keberkesanan latihan dalam aspek ini adalah pada tahap 80%. Jadual 2 menunjukkan taburan respons mengikut kategori respons, dan nilai-*p* hasil daripada ujian Binomial. Keputusan ujian Binomial seperti ditunjukkan dalam jadual ini menunjukkan bahawa semua item dan juga keseluruhan komponen ini mencapai tahap keberkesanan 80%. Komponen ini adalah berkaitan dengan soalan sejauh manakah latihan telah menyediakan mereka dengan kemampuan, kemahiran, kebolehan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan. Ini boleh ditaksirkan sebagai satu petanda yang baik kepada pihak maktab. Ujian Chi Square juga tidak dapat mengesahkan apa-apa perkaitan antara setiap item mahu pun keseluruhan komponen dengan ciri latar belakang peserta, iaitu jantina dan jenis kursus.

**Jadual 2. Taburan Nisbah Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai-*p* untuk ujian Binomial bagi Item-item Komponen I (Kualiti Diri Guru Permulaan)**

No. Item	Item	Kategori	N	Observ Prop.	Test Prop.	Sig. (1- tailed)*
1a	Kebolehan mencari ilmu untuk melaksanakan tugas di sekolah	Mencapai tahap	227	1.0	.8	.000
		Tidak Mencapai	10	.0		
1b	Kemahiran mengajar mata pelajaran pengkhususan	Mencapai Tahap	227	1.0	.8	.000
		Tidak	10	.0		
1c	Kemampuan mengamalkan nilai-nilai murni dalam tugas harian	Mencapai Tahap	223	.9	.8	.000
		Tidak	14	.1		
1d	Kemampuan menunjukkan daya ketahanan dlm pelbagai situasi	Mencapai Tahap	213	.9	.8	.000
		Tidak	23	.1		
1e	Kemampuan menunjukkan daya pemikiran kritis	Mencapai Tahap	206	.9	.8	.005
		Tidak	31	.1		
1f	Kemampuan menunjukkan daya pemikiran kreatif	Mencapai Tahap	206	.9	.8	.003
		Tidak	30	.1		
		Mencapai				

1g	Personaliti yang sesuai dgn profesi keguruan	Mencapai Tahap Tidak Mencapai	222	.9	.8	.000
1h	Sikap keberanian utk mencuba idea baru	Mencapai Tahap Tidak Mencapai	14	.1		
1i	Sifat terbuka dlm melaksanakan tugas	Mencapai Tahap Tidak Mencapai	212	.9	.8	.000
1j	Kbolehan melaksanakan penilaian kendiri utk menambah baik kerja	Mencapai Tahap Tidak Mencapai	25	.1		
	Kualiti Diri Guru Permulaan	Tidak Mencapai	223	.9	.8	.000
		Mencapai	14	.1		
		Tidak	228	1.0	.8	.000
		Mencapai	9	.0		
		Tidak	207	.9	.8	.001
		Mencapai	27	.1		

\* Based on Z Approximation.

Penemuan ini berbeza dengan penemuan kajian lepas (Toh, 2004). Kajian lepas mendapati 80% peserta kajian mempersepsikan kursus berkesan menyediakan mereka untuk mengajar penghususan, personaliti yang sesuai dengan profesi keguruan, sifat yang terbuka, serta membolehkan mereka membuat penilaian kendiri. Tetapi persepsi tentang keberkesanan lain-lain aspek tidak mencapai kriteria 80%. Dua item yang mempunyai peratusan respons positif yang paling rendah ialah item 1e (kemampuan menunjukkan daya pemikiran yang kritis) dan 1f (kemampuan menunjukkan daya pemikiran yang kreatif).

Sejauh manakah perbezaan ini disebabkan oleh persepsi yang berbeza atau pun disebabkan oleh kesilapan mengukur (measurement error) tidak dapat terjawab oleh bukti yang sedia ada. Pengukur yang digunakan dalam kajian ini adalah berbeza kerana skala ala Likert telah diubah daripada skala 5 mata kepada skala 4 mata.

## 2. Keberkesanan latihan kemahiran pengajaran dan pembelajaran

Jadual 3 menunjukkan taburan respons mengikut kategori respons, dan nilai-p bagi ujian-ujian binomial untuk item-item dalam Komponen II (Latihan kemahiran pengajaran dan Pembelajaran). Keputusan ujian Binomial menunjukkan bahawa tahap keberkesanan 75% tercapai bagi semua item dalam komponen ini. Secara keseluruhan, komponen ini juga mencapai tahap keberkesanan 75%. Ujian Chi Square juga tidak dapat mengesan perkaitan antara setiap item dengan jantina atau pun jenis kursus.

**Jadual 3. Taburan Nisbah Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai-*p*  
Ujian Binomial bagi Item-item Komponen II (Latihan Kemahiran  
Pengajaran & Pembelajaran)**

No. Item	Item	Kategori	N	Observ Prop.	Test Prop.	Sig. (1- tailed)*
2a	Merancang pengajaran harian	Mencapai Tahap Tidak	227	1.0	.8	.000
2b	Mencerakinkan sukanan pelajaran	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	10 217	.0 .9	.8	.000
2c	Menyampaikan isi pelajaran mengikut kebolehan murid	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	20 220	.1 .9	.8	.000
2d	Menggunakan pelbagai sumber dlm P&P	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	17 221	.1 .9	.8	.000
2e	mengesan prestasi murid secara berterusan	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	16 206	.1 .9	.8	.005
2f	Menggunakan pelbagai kaedah dlm P&P	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	31 221	.1 .9	.8	.000
2g	Menerapkan nilai murni dlm P&P	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	16 217	.1 .9	.8	.000
2h	Mengamalkan unsur-unsur kesepadan dlm P&P	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	20 221	.1 .9	.8	.000
2i	Memotivasiikan murid semasa P&P	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	16 215	.1 .9	.8	.000
2j	Menggalakkan kemahiran berfikir dlm P&P	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	20 214	.1 .9	.8	.000
2k	Menwujudkan unsur kecindan dlm P&P	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	21 211	.1 .9	.8	.000
2l	Mengawal disiplin murid semasa P&P	Mencapai Mencapai Tahap	24 206	.1 .9	.8	.002

		Tidak				
		Mencapai	29	.1		
2m	Mengamalkan kemahiran berkomunikasi dlm P&P	Mencapai				
		Tahap	221	.9	.8	.000
		Tidak				
	Keberkesanan Latihan P&P	Mencapai	14	.1		
		Mencapai				
		Tahap	216	.9	.8	.000
		Tidak				
		Mencapai	19	.1		

\* Based on Z Approximation.

Penemuan ini juga berbeza dengan penemuan kajian lepas di mana hanya empat item, iaitu item 2a, 2d, 2f dan 2g mencapai peratusan respons positif pada tahap 75%, iaitu merancang pengajaran harian, menggunakan pelbagai bahan sumber untuk pengajaran dan pembelajaran (p&p), menggunakan pelbagai kaedah dalam p&p, dan menerapkan nilai murni dalam p&p. Item-item lain tidak mencapai kriteria ini.

### 3. Keberkesanan latihan aktiviti kokurikulum

Jadual 4 menunjukkan taburan respons mengikut kategori respons dan nilai-nilai  $p$  ujian Binomial bagi item-item dalam komponen keberkesan latihan kokurikulum (Komponen III). Keputusan ini menunjukkan hipotesis bahawa tahap keberkesanan pada 75% untuk lapan item tidak dapat ditolak dan bermakna objektif kualiti bagi lapan item ini tercapai pada tahap keberkesanan 75%. Item-item ini adalah item 3.1b (melaksanakan kemahiran asas dalam sesuatu jenis sukan), 3.1c (melatih murid dalam sesuatu jenis sukan), 3.2b (melaksanakan kemahiran asas dalam sesuatu jenis unit beruniform), 3.2c (melatih murid dalam sesuatu jenis unit beruniform), 3.3a (merancang aktiviti kelab bagi sepanjang tahun), 3.3b (melaksanakan kemahiran asas sesuatu jenis kelab), 3.3c (melatih murid dalam sesuatu jenis kelab), dan 3.3d (mengelolakan aktiviti pertandingan kelab). Item-item lain tidak tercapai tahap keberkesanan 75%. Secara keseluruhan, latihan Gerko kelab dan persatuan juga dipersepsikan sebagai mencapai keberkesanan pada tahap 75% sedangkan latihan Gerko Sukan dan Gerko Unit Beruniform tidak mencapai keberkesanan pada tahap 75%. Latihan Gerko secara keseluruhan tidak dipersepsikan sebagai mencapai keberkesanan pada tahap 75% di sebabkan objektif kualiti untuk latihan sukan dan permainan dan latihan unit beruniform tidak tercapai.

Jadual 4. Taburan Nisbah Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai- $p$  Ujian Binomial bagi Item-item Komponen III (Latihan GERKO)

No Item	Item	Kategori	N	Observ Prop.	Test Prop.	Sig. (1-tailed)
3.1a	Merancang aktiviti sukan bagi sepanjang tahun	Mencapai Tahap Tidak	146	.62	.75	.000 <sup>a</sup>
3.1b	Melaksanakan kemahiran asas dlm sesuatu jenis sukan	Mencapai Mencapai Tahap	90	.38		
		Tidak	189	.80	.75	.042 <sup>b</sup>
3.1c	Melatih murid dlm sesuatu acara sukan	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	47	.20		
		Tidak	174	.74	.75	.298 <sup>a</sup>
3.1d	Mengelolakan pertandingan sukan	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	62	.26		
		Tidak	152	.64	.75	.000 <sup>a</sup>
3.1e	Menjalankan tugas sebagai pengadil dlm aktiviti sukan	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	84	.36		
		Tidak	134	.57	.75	.000 <sup>a</sup>
			102	.43		
3.2a	Merancang aktiviti unit beruniform bagi sepanjang tahun	Mencapai Mencapai Tahap	160	.68	.75	.007 <sup>a</sup>
		Tidak	76	.32		
3.2b	Melaksanakan kemahiran asas dlm sesuatu jenis badan beruniform	Mencapai Tahap Tidak	189	.80	.75	.042 <sup>b</sup>
		Tidak	47	.20		
3.2c	Melatih murid dlm sesuatu jenis badan beruniform	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	171	.72	.75	.204 <sup>a</sup>
		Tidak	65	.28		
3.2d	Mengelolakan pertandingan unit beruniform	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	125	.53	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	111	.47		
3.2e	Menjalankan tugas sebagai pengadil dlm aktiviti unit beruniform	Mencapai Tahap Tidak	119	.50	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	117	.50		
3.3a	Merancang aktiviti kelab bagi sepanjang tahun	Mencapai Mencapai Tahap Tidak	170	.73	.75	.308 <sup>a</sup>
		Tidak	62	.27		
3.3b	Melaksanakan kemahiran asas dlm sesuatu jenis kelab	Mencapai Mencapai Tahap	187	.81	.75	.029 <sup>b</sup>
		Tidak				

		Mencapai	45	.19		
3.3c	Melatih murid dlm sesuatu jenis kelab	Mencapai Tahap Tidak	180	.78	.75	.202 <sup>a</sup>
3.3d	Mengelolakan aktiviti pertandingan kelab	Mencapai Tahap Tidak	52	.22		
		Mencapai Tahap Tidak	168	.72	.75	.202 <sup>a</sup>
3.3e	Menjalankan tugas sebagai pengadil aktiviti kelab	Mencapai Tahap Tidak	64	.28		
	Keberkesanan Latihan Sukan & Permainan	Mencapai Tahap Tidak	148	.64	.75	.000 <sup>a</sup>
	Keberkesanan Latihan Unit Beruniform	Mencapai Tahap Tidak	84	.36		
		Mencapai Tahap Tidak	161	.68	.75	.010 <sup>a</sup>
	Keberkesanan Latihan Kelab & Persatuan	Mencapai Tahap Tidak	75	.32		
		Mencapai Tahap Tidak	155	.66	.75	.001 <sup>a</sup>
	Keberkesanan Latihan Gerko Keseluruhan	Mencapai Tahap Tidak	81	.34		
		Mencapai Tahap Tidak	177	.76	.75	.352 <sup>b</sup>
	Keberkesanan Latihan Gerko Keseluruhan	Mencapai Tahap Tidak	55	.24		
		Mencapai Tahap Tidak	131	.56	.75	.000 <sup>a</sup>
		Mencapai	101	.44		

a Alternative hypothesis states that the proportion of cases in the first group < .75.

b Based on Z Approximation.

Perkaitan antara persepsi peserta tentang keberkesanan latihan kokurikulum dengan jantina dan jenis kursus diuji dengan Ujian Chi Square. Keputusan yang menunjukkan terdapatnya perkaitan yang sifnifikan dipamerkan dalam Jadual 5.

Jadual 5. Keputusan Ujian Chi Square tentang perkaitan antara item-item keberkesanan latihan Gerko dengan jantina dan jenis kursus

No. Item	Item	$\chi^2_1$ $P_L = P_P$	$\chi^2_2$ $P_{KPLI} = P_{KDPM}$
3.1c	Melatih murid dalam sesuatu acara sukan	-	4.288*
3.1d	Mengelola pertandingan sukan	7.730**	5.989*
3.1e	Menjalankan tugas sebagai pengadil dalam aktiviti sukan	8.814**	-
3.2e	Menjalankan tugas sebagai pengadil aktiviti unit beruniform	4.433*	-
3.3a	Merancang aktiviti kelab bagi sepanjang tahun	-	13.837***

3.3b	Melaksanakan kemahiran asas dalam sesuatu aktiviti kelab & persatuan	4.299*	15.590***
3.3c	Melatih murid dalam sesuatu jenis aktiviti kelab & persatuan	5.303*	10.827**
3.3d	Mengelolakan aktiviti pertandingan kelab & persatuan	-	7.877**
3.3e	Menjalankan tugas sebagai pengadil aktiviti kelab & persatuan	-	8.587**
	Latihan Gerko Sukan & Permainan	9.133**	7.056**
	Latihan Gerko Kelab & Persatuan	-	13.672***
	Latihan Gerko Keseluruhan	7.516**	3.812

Nota:

$\chi^2_1$  Nilai  $\chi^2$  untuk ujian hipotesis tiada perkaitan antara item dengan Jantina

$\chi^2_2$  Nilai  $\chi^2$  untuk ujian hipotesis tiada perkaitan antara item dengan jenis kursus

\*  $p < 0.05$     \*\*  $p < 0.01$     \*\*\*  $p < 0.001$

Jadual ini menunjukkan terdapat perkaitan antara jantina dengan lima item tentang keberkesanannya latihan Gerko, iaitu, item 3.1d (mengelola pertandingan sukan), item 3.1e (menjalankan tugas sebagai pengadil dalam aktiviti sukan), item 3.2e (menjalankan tugas sebagai pengadil aktiviti unit beruniform), item 3.3b (melaksanakan kemahiran asas dalam sesuatu aktiviti kelab & persatuan), dan item 3.3c (melatih murid dalam sesuatu jenis kelab & persatuan). Untuk item-item ini, peserta lelaki lebih berpendapat bahawa latihan untuk aspek-aspek ini mencapai tahap keberkesanannya yang disarankan berbanding dengan pesepsi peserta perempuan. Secara keseluruhan, pesepsi lelaki tentang latihan Gerko sukan dan permainan dan juga latihan Gerko secara keseluruhan adalah lebih tinggi daripada pesepsi peserta perempuan. Kesan jantina ini memberi implikasi bahawa peserta lelaki lebih bersedia mengurus Gerko berbanding dengan peserta perempuan.

Pesepsi peserta juga ada perkaitan dengan jenis kursus yang diikuti. Ujian Chi Square menunjukkan perkaitan ini wujud bagi item-item 3.1c (melatih murid dalam sesuatu acara sukan), 3.1d (mengelolakan pertandingan sukan), 3.3a (merancang aktiviti kelab bagi sepanjang tahun), 3.3b (melaksanakan kemahiran asas dalam sesuatu jenis kelab), 3.3c (melatih murid dalam sesuatu jenis kelab), 3.3d (mengelolakan aktiviti pertandingan kelab), dan 3.3e (menjalankan tugas sebagai pengadil aktiviti kelab). Pesepsi peserta kursus KDPM tentang keberkesanannya latihan setiap aspek ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pesepsi peserta kursus KPLI. Secara keseluruhan, pesepsi peserta kursus KDPM tentang keberkesanannya latihan Gerko sukan dan latihan Gerko kelab adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pesepsi peserta kursus KPLI.

Penemuan tentang keberkesanannya latihan kokurikulum tidak jauh berbeza dengan penemuan kajian lepas (Toh, 2004). Kajian lepas juga telah menunjukkan bahawa latihan kokurikulum kurang mencapai objektif kualiti pada tahap 75%. Perbezaan pesepsi antara peserta KDPM dan KPLI juga dikesan dalam kajian lepas. Penemuan yang kurang berbeza antara kedua-dua kajian ini boleh memberi implikasi bahawa kursus KPLI yang singkat (satu

tahun) berbanding dengan kursus KDPM yang panjang (tiga tahun) mempunyai kesan terhadap keberkesanan latihan Gerk.

#### **4. Keberkesanan melaksanakan program-program**

Jadual 6 menunjukkan keputusan Ujian Binomial ke atas item-item tentang keberkesanan pelaksanaan program-program di maktab. Keputusan ini menunjukkan bahawa peserta berpendapat keberkesanan pelaksanaan kebanyakan program mencapai tahap keberkesanan 75% seperti yang disarankan. Antara program-program yang dipersepsikan belum mencapai tahap keberkesanan 75% ialah mata pelajaran Sains Perpustakaan (item 4f), dan mata pelajaran Tamadun Islam (item 4h).

**Jadual 6. Taburan Nisbah Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai-*p* Ujian Binomial bagi Item-item Komponen IV (Pelaksanaan Program)**

No.	Item	Kategori	N	Obs Prop.	Test Prop.	Sig. (1-tailed)
4a	Pelaksanaan matapelajaran major	Mencapai	234	.99	.75	.000 <sup>a</sup>
4b	Pelaksanaan matapelajaran minor	Tidak Mencapai	3	.01		
		Mencapai	221	.94	.75	.000 <sup>a</sup>
4c	Pelaksanaan matapelajaran Ilmu Pendidikan	Tidak Mencapai	15	.06		
		Mencapai	205	.86	.75	.000 <sup>a</sup>
4d	Pelaksanaan matapelajaran Teknologi Maklumat	Tidak Mencapai	32	.14		
		Mencapai	198	.84	.75	.002 <sup>a</sup>
4e	Pelaksanaan matapelajaran Teknologi Pendidikan	Tidak Mencapai	39	.16		
		Mencapai	170	.78	.75	.206 <sup>a</sup>
4f	Pelaksanaan matapelajaran Sains perpustakaan	Tidak Mencapai	49	.22		
		Tidak Mencapai	91	.43	.75	.000 <sup>b</sup>
4g	Pelaksanaan matapelajaran Agama/Moral	Mencapai	120	.57		
		Mencapai	196	.88	.75	.000 <sup>a</sup>
4h	Pelaksanaan matapelajaran Tamadun Islam	Tidak Mencapai	28	.13		
		Tidak Mencapai	77	.42	.75	.000 <sup>b</sup>
4i	Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar	Mencapai	108	.58		
		Mencapai	172	.73	.75	.286 <sup>b</sup>
4j	Pelaksanaan Program Bina Insan Guru	Tidak Mencapai	63	.27		
		Mencapai	211	.89	.75	.000 <sup>a</sup>
4k	Pelaksanaan Program	Tidak Mencapai	26	.11		
		Mencapai	231	.97	.75	.000 <sup>a</sup>

Praktikum	Tidak Mencapai	6	.03			
Pelaksanaan Program Keseluruhan	Mencapai	132	.75	.75	.535 <sup>a</sup>	
	Tidak Mencapai	44	.25			

a Based on Z Approximation.

b Alternative hypothesis states that the proportion of cases in the first group < .75.

Ujian Chi-square untuk meneliti perkaitan antara item-item keberkesanan pelaksanaan dengan jantina tidak mengesan apa-apa perkaitan antara mereka. Tetapi perkaitan antara jenis kursus dan dua item pelaksanaan dapat dikesan. Dua item tersebut ialah item 4c (Pelaksanaan mata pelajaran ilmu pendidikan) dan item 4e (Pelaksanaan mata pelajaran teknologi pendidikan). Ujian Chi-square ke atas hipotesis perkaitan antara jenis kursus dan item 4c mendapatkan nilai  $\chi^2 = 9.094$  ( $p < 0.01$ ) dan untuk ujian hipotesis perkaitan antara jenis kursus dan item 4e nilai  $\chi^2 = 5.584$  ( $p < 0.05$ ). Keputusan ini menunjukkan bahawa persepsi peserta KPLI tentang keberkesanan pelaksanaan program-program ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan persepsi peserta KDPM.

## 5. Kepuasan pelatih tentang latihan/perkhidmatan/kemudahan maktab

Jadual 7 mempamerkan taburan peratusan respons mengikut kategori respons, nilai-nilai  $p$  untuk Ujian Binomial bagi item-item yang berkaitan dengan kepuasan pelatih (Komponen V). Keputusan ini menunjukkan bahawa empat item tentang kepuasan belum mencapai tahap kepuasan 75%. Item-item ini adalah item 5.2a (Perkhidmatan bimbingan & kaunseling), 5.2d (Perkhidmatan asrama), 5.2e (Kemudahan asrama), dan 5.2g (Kemudahan bilik kuliah). Secara keseluruhan peserta berpuas hati dengan program P&P tetapi kurang berpuas hati dengan kemudahan maktab.

Jadual 7. Taburan Nisbah Respons Mengikut Kategori Respons dan Nilai- $p$  Ujian Binomial bagi Item-item Komponen IV

No	Item	Kategori	N	Observ Prop.	Test Prop.	Sig. (1-tailed)
5.1a	P&P pensyarah major	Mencapai	234	.99	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	3	.01		
5.1b	P&P pensyarah minor	Mencapai	226	.96	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	9	.04		
5.1c	P&P pensyarah bukan pengkhususan	Mencapai	196	.83	.75	.002 <sup>a</sup>
		Mencapai				

		Tidak	39	.17		
		Mencapai				
5.1d	Bimbingan tutor kumpulan	Mencapai	214	.91	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	22	.09		
		Mencapai				
5.1e	P&P penasihat gerko sukan	Mencapai	212	.90	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	24	.10		
		Mencapai				
5.1f	P&P penasihat gerko unit beruniform	Mencapai	201	.86	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	34	.14		
		Mencapai				
5.1g	P&P penasihat gerko kelab	Mencapai	195	.85	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	34	.15		
		Mencapai				
5.1h	Bimbingan pensyarah pembimbing praktikum major	Mencapai	233	.99	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	3	.01		
		Mencapai				
5.1i	Bimbingan pensyarah pembimbing praktikum minor	Mencapai	223	.97	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	6	.03		
		Mencapai				
5.1j	Bimbingan guru pembimbing praktikum	Mencapai	223	.94	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	13	.06		
		Mencapai				
5.2a	Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling	Mencapai	123	.52	.75	.000 <sup>b</sup>
		Tidak	113	.48		
		Mencapai				
5.2b	Perkhidmatan HEP	Mencapai	174	.74	.75	.354 <sup>b</sup>
		Tidak	62	.26		
		Mencapai				
5.2c	Perkhidmatan Pejabat Am	Mencapai	179	.76	.75	.411 <sup>a</sup>
		Tidak	57	.24		
		Mencapai				
5.2d	Perkhidmatan Asrama	Tidak	72	.31	.75	.000 <sup>b</sup>
		Mencapai				
5.2e	Kemudahan asrama	Mencapai	164	.69		
		Tidak	130	.55	.75	.000 <sup>b</sup>
		Mencapai				
5.2f	Kemudahan sukan & permainan	Tidak	106	.45		
		Mencapai				
5.2g	Kemudahan bilik kuliah	Mencapai	168	.71	.75	.101 <sup>b</sup>
		Tidak	68	.29		
		Mencapai				
	Kepuasan program P&P	Mencapai	147	.62	.75	.000 <sup>b</sup>
		Tidak	89	.38		
		Mencapai				
	Kepuasan tentang Kemudahan	Mencapai	197	.87	.75	.000 <sup>a</sup>
		Tidak	29	.13		
		Mencapai				
		Tidak	96	.41	.75	.000 <sup>b</sup>
		Mencapai				
		Tidak	140	.59		

Kepuasan keseluruhan	Mencapai Mencapai Tidak Mencapai	169	.75	.75	.500 <sup>b</sup>
----------------------	---	-----	-----	-----	-------------------

a Based on Z Approximation.

b Alternative hypothesis states that the proportion of cases in the first group < .75.

Ujian Chi-square ke atas hipotesis tentang perkaitan antara jantina dengan item-item kepuasan menunjukkan dua item kepuasan mempunyai perkaitan dengan jantina. Item 5.2e (Kemudahan asrama) dan 5.2f (Kemudahan sukan dan permainan) mempunyai perkaitan dengan jantina di mana persepsi peserta perempuan tentang kepuasan mereka terhadap dua kemudahan ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan persepsi peserta lelaki.

Ujian Chi-square tentang perkaitan antara jenis kursus dan item-item kepuasan menunjukkan perbezaan persepsi antara peserta KPLI dan peserta KDPM dalam tujuh item kepuasan. Keputusan adalah seperti dipamerkan dalam Jadual 8.

Jadual 8. Keputusan Ujian Chi-square tentang perkaitan antara jenis kursus dan item-item kepuasan

No. Item	Item	$\chi^2$ $P_{KPLI} = P_{KDPM}$	Nilai-p
5.1c	P&P pensyarah bukan pengkhususan	3.833	.050
5.1g	P&P penasihat gerko kelab	10.038	.002
5.2c	Perkhidmatan Pejabat Am	3.909	.048
5.2d	Perkhidmatan Asrama	13.511	.000
5.2e	Kemudahan asrama	6.851	.009
5.2f	Kemudahan sukan & permainan	11.899	.001
5.2g	Kemudahan bilik kuliah	4.059	.044
	Kepuasan tentang kemudahan	5.689	.017
	Kepuasan keseluruhan	3.981	.046

Persepsi peserta KPLI tentang kepuasan mereka terhadap P&P pensyarah bukan pengkhususan adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan persepsi peserta KDPM. Tetapi untuk item-item lain, persepsi peserta KDPM adalah lebih tinggi dibandingkan dengan persepsi peserta KPLI. Penemuan ini memberi implikasi bahawa peserta KDPM nampaknya merasa lebih berpuas hati tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh maktab jika dibandingkan dengan kepuasan peserta KPLI.

Penemuan ini tidak jauh berbeza dengan penemuan kajian lepas (Toh, 2004) di mana aspek-aspek yang dipersepsikan kurang memuaskan adalah berkaitan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan kemudahan asrama. Dapatkan kajian lepas juga mengesan perbezaan persepsi antara peserta KPLI dan KDPM. Perbezaan ini juga menunjukkan bahawa secara

amnya peserta KDPM merasa lebih puas hati dengan perkhidmatan dan kemudahan maktab jika dibandingkan dengan persepsi peserta KPLI.

## RUMUSAN

Berdasarkan dapatan dan penemuan seperti yang dihuraikan di atas, rumusan secara keseluruhannya ialah bahawa peserta kursus kohort keluaran November 2004 berpendapat bahawa pihak maktab telah mencapai keberkesanan pada tahap 80% dalam latihan menyediakan mereka dengan kebolehan, kemahiran, kemampuan dan sifat-sifat keguruan sebagai guru permulaan. Maktab juga berjaya mencapai tahap keberkesanan 75% dalam latihan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Persepsi peserta juga konsisten dan tidak ada perkaitan dengan jantina atau jenis kursus mereka.

Dari segi keberkesanan program latihan Gerko, masih terdapat aspek-aspek yang dipersepsikan kurang berkesan melatih peserta. Aspek-aspek yang mencapai kriteria kualiti pada tahap keberkesanan 75% adalah berkaitan dengan latihan membolehkan peserta melaksanakan dan melatih kemahiran asas dalam sesuatu jenis sukan, unit beruniform, dan kelab & persatuan. Peserta juga berpendapat bahawa latihan untuk Gerko kelab dan persatuan mencapai tahap keberkesanan yang disarankan tetapi latihan Gerko sukan dan unit beruniform masih belum mencapai keberkesanan pada tahap 75%.

Pesepsi lelaki tentang keberkesanan latihan Gerko sukan dan permainan dan juga latihan Gerko secara keseluruhan adalah lebih tinggi daripada pesepsi peserta perempuan. Pesepsi peserta kursus KDPM tentang keberkesanan latihan Gerko sukan dan latihan Gerko kelab adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pesepsi peserta kursus KPLI. Ini mungkin disebabkan tempoh kursus KDPM adalah lebih panjang dan latihan didapati lebih berkesan.

Keberkesanan pelaksanaan program P&P dan program-program lain seperti program Bina Insan Guru, program Alam Sekitar, dan program Praktikum didapati telah dilaksanakan secara berkesan. Pendapat peserta kajian tentang keberkesanan pelaksanaan program kurang dipengaruhi oleh jantina atau pun jenis kursus mereka.

Peserta kajian juga merasa puas hati dengan kebanyakan aspek program latihan. Hanya beberapa aspek sahaja yang dipersepsikan sebagai belum mencapai tahap kepuasan 75%. Aspek-aspek ini adalah perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, perkhidmatan dan kemudahan asrama, dan juga kemudahan bilik kuliah. Tahap kepuasan peserta KDPM juga didapati lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahap kepuasan peserta KPLI.

Penemuan daripada kajian ini mempunyai persamaan dan juga perbezaan dengan penemuan kajian lepas. Persamaan yang didapati ialah dari segi beberapa aspek program latihan yang masih belum mencapai tahap

keberkesanan atau kepuasan pada tahap yang disarankan. Ini memberi implikasi yang kuat tentang keperluannya untuk menambah baik aspek-aspek tersebut. Aspek-aspek tersebut adalah seperti yang telah dihuraikan di atas. Akan tetapi bilangan aspek yang belum mencapai tahap keberkesanan atau kepuasan seperti yang disarankan adalah sedikit jika dibandingkan dengan penemuan kajian lepas. Ini tidak dapat diinterpretasikan sebagai hasil penambah baikan kerana bukit kurang kukuh untuk berbuat demikian. Beberapa kemungkinan dapat dibincangkan. Pertama, ini mungkin disebabkan oleh perbezaan persepsi antara kohort peserta keluaran November 2003 dan kohort peserta keluaran November 2004. Kedua, ia mungkin disebabkan oleh penggunaan pengukur yang berbeza. Penggunaan skala empat mata mungkin mempengaruhi respons peserta jika dibandingkan dengan skala lima mata seperti yang digunakan dalam kajian lepas.

## RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Guru (2004). *Dokumen Kualiti MS ISO 9001:2000*. KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru (2001). *Sukatan Pelajaran KDPM*. KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru (2001). *Sukatan Pelajaran KPLI*. KL: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Toh (2004). Penilaian petanda aras kualiti kursus KPLI dan KDPM: Keberkesanan kursus dan kepuasan pelatih. *Jurnal Penyelidikan MPBL*. Jilid 5.
- Toh (akan diterbitkan). Penilaian objektif kualiti maklumbalas pelanggan MS ISO 9001: 2000. *Jurnal Penyelidikan MPBL*. Jilid 6.